

15/11/2000

Usaha bersih sungai wajar ditingkatkan

Datuk Lee Lam Thye

MENTERI Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding baru-baru ini membuat kenyataan satu pertiga daripada sungai utama di Malaysia, dilaporkan mengalami pencemaran teruk.

Beliau meminta kerajaan negeri supaya mengenal pasti sekurang-kurangnya sebuah sungai tercemar teruk untuk pemulihan. Menurutnya, 40 sungai di negara ini mengalami pencemaran teruk dan 29 daripadanya dalam keadaan kritikal, terutama di Selangor, Johor dan Pulau Pinang.

Pencemaran ini disebabkan hakisan tanah berikutan kegiatan pembalakan secara besar-besaran, pembinaan kilang dan setinggan di pinggir sungai, pembuangan sisa pepejal tidak terkawal serta kegiatan pertanian.

Semua kerajaan negeri diminta mengenal pasti sekurang-kurangnya sebuah sungai untuk pemulihan dalam program pemeliharaan kementerian yang berkenaan.

Untuk memastikan kejayaan usaha ini, kerajaan negeri dikehendaki bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan dan agensi itu dengan menyelamatkan sungai tercemar itu.

Masalah pencemaran sungai bertentangan dengan Kempen Menanam Pokok Alaf Baru yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 15 Oktober lalu. Dalam kempen itu 100,000 pokok ditanam dalam masa satu minit, yang berjaya dimasukkan ke dalam Guinness Book of World Records sempena Hari Habitat Sedunia.

Kempen Menanam Pokok Alaf Baru adalah satu lagi langkah mencapai hasrat kerajaan menjadikan Malaysia sebuah negara taman pada tahun 2005.

Usaha menanam pokok itu bersesuaian dengan Agenda 21 dalam Earth Summit di Rio de Janeiro yang meminta penyertaan seluruh dunia dalam usaha menghijaukan bumi melalui penanaman dan pemeliharaan pokok.

Pada persidangan itu, Malaysia berikrar untuk mengekalkan 50 peratus kehijauannya. Projek penanaman pokok peringkat kebangsaan ini juga selari dengan usaha pembangunan berkekalan dan pemeliharaan alam semula jadi yang menjadi prasyarat kepada pembangunan sesebuah negara maju.

Sementara rakyat Malaysia berbangga dengan usaha menghijaukan negara, sejajar dengan komitmen diikrarkan, perasaan sama tidak boleh dipanjangkan kepada keadaan sungai kita.

Menurut Laporan Kualiti Alam Sekitar 1998, 43 peratus sungai kita dicemari oleh nitrogen ammonia hasil penternak haiwan serta sisa pembuangan domestik; hasil bahan buangan kerja tanah dan kegiatan melapangkan kawasan (34 peratus) serta permintaan oksigen biokimia disebabkan pembuangan industri berasaskan pertanian dan pembuatan (21 peratus).

Laporan Kualiti Kehidupan Rakyat Malaysia 1999 pula menunjukkan mutu air yang dihitung daripada kualiti air sungai mendapati kualitinya menurun daripada 55.8 peratus pada 1985 kepada 27.5 peratus pada 1998. Ini sebenarnya selari dengan penurunan peratusan sungai yang bersih.

Walaupun pelbagai usaha diambil untuk menaikkan taraf sungai kita, seperti kempen 'Cintailah Sungai Kita', pemasangan perangkap sampah-sarap di sepanjang sungai tercemar, keadaan kebanyakan sungai masih tidak menyenangkan.

Pencemaran sungai masih teruk disebabkan beberapa faktor yang saya sebutkan tadi.

Usaha membersihkan sungai perlu ditingkatkan. Iltizam politik oleh kerajaan negeri juga perlu untuk menjayakan usaha ini.

Dalam hubungan ini, memang tepat sekali dalam Rancangan Malaysia Ke-Lapan sungai yang menyalurkan air kepada kerajaan negeri dibaik pulih.

Program berterusan diperlukan untuk membaik pulih sungai tercemar di setiap negeri.

Kerajaan negeri boleh bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bukan saja untuk menjadikan pelan membaik pulih sungai tercemar satu kenyataan, malah mengawal dan menjaga sungai belum tercemar supaya kekal bersih.

Dalam usaha memastikan sungai kekal bersih, kesedaran terhadap alam sekitar begitu penting. Kesedaran ini boleh membantu usaha memperkukuhkan pengurusan alam sekitar berkekalan.

Justeru, pendidikan berkenaan persekitaran juga perlu dititikberatkan sebagai strategi jangka masa panjang untuk meningkatkan kesedaran orang awam mengenai kepentingan melindungi alam sekitar.

Adalah sesuatu yang menggalakkan bahawa sejak penubuhan Jabatan Alam Sekitar pada 1975, penggalakkan kesedaran berkenaan alam sekitar selama dua dekad ini berkembang secara progresif. Persidangan Rio mengenai alam sekitar dan pembangunan pada 1992 juga menambah dorongan terhadap usaha itu.

Pada peringkat sekolah, beberapa kegiatan perlindungan dan pemeliharaan alam sekitar dijalankan bertujuan menyemai kesedaran dan komitmen pelajar berusia 10 hingga 16 tahun kepentingan melindungi alam sekitar.

Satu lagi contoh ialah Wira Alam, projek yang dilancarkan pada 1998 membolehkan pelajar menyertai kegiatan berunsur alam sekitar.

Selain warga sekolah, orang awam perlu mempunyai komitmen terhadap pemuliharaan alam sekitar.

Pendidikan dan kesedaran kepada orang awam perlu dilakukan berterusan dengan kerjasama NGO dan badan sukarela seperti Kelab Lions dan Rotary.